

Dunia turut 'memerhati' penghakiman Najib

UM - 29/7/2020 M/S: 6

KUALA LUMPUR: Keputusan penghakiman bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi tajuk utama agensi berita dunia termasuk *BBC*, *Channel News Asia (CNA)* dan *al-Jazeera* khususnya pada portal-portal agensi berkenaan.

Kesemua portal-portal berkenaan turut menyelitkan video sekitar keputusan penghakiman termasuk suasana di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur yang dibanjiri ribuan penyokong Najib.

CNN pada berita di portalnya hanya meletakkan berita Najib pada ruangan kecil bertajuk *Ex-Malaysian PM found guilty in 1MDB scandal* (Bekas Perdana Menteri didapati bersalah dalam skandal 1MDB).

Bagaimanapun *CNN* pada perenggan-perenggan akhir tampil dengan sub tajuk *End of Najib?* dengan memetik tulisan pakar politik Malaysia dari University of Nottingham, Bridget Welsh.

Portal agensi itu menulis, *Soon after the verdict was announced, Welsh wrote on Twitter that it closes door on Najib's comeback* (Sebaik sahaja keputusan dibacakan, Welsh menulis dalam Twitter itu adalah penutup kepada kebangkitan semula Najib).

Tulisan itu dipercayai meru-

5 perkara menarik ketika prosiding Najib Tun Razak

- » Dihadiri lebih seribu penyokong Najib.
- » Kelibat Datin Seri Rosmah Mansor tidak kelihatan.
- » Rata-rata penyokong Najib gagal patuhi SOP PKPP.
- » Prosiding berlangsung selama hampir 10 jam.
- » Seorang pengunjung ditahan polis kerana cuba memanjat pagar.

juk kepada kebangkitan Najib dalam politik yang mungkin berakhir susulan keputusan penghakiman berkenaan.

Berikut tajuk-tajuk berita portal utama dunia mengenai penghakiman terhadap Najib:

Pada perenggan akhir laporan berita di *Arab News*, agensi berita itu memetik kenyataan James Chin, Profesor Pengajian Asia di University of Tasmania, Australia.

James berkata: "Najib masih kekal sebagai ahli Parlimen dan kita perlu menunggu proses di mahkamah rayuan pula."